

16 MAR 2003

Mustapa-hijrah

UMAT ISLAM DIMINTA ELAK DARIPADA SIKAP TIDAK BERTAMADUN

KOTA BAHARU, 16 Mac (Bernama) -- Umat Islam di negara ini diminta mengelakkan diri daripada sikap tidak bertamadun dan jumud, sebaliknya harus berani mengubah cara hidup sejajar dengan perkembangan dunia sekarang.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed berkata umat Islam di negara ini masih lagi terikat dengan budaya lama yang memperkatakan mengenai Islam hanya dari segi akidah dan bukannya secara menyeluruh dan perkembangan sejagat.

"Kita nak dunia pandang Islam lebih syumul dan maju...bukan Islam tidak bertamadun dan jumud serta berfikiran sempit," katanya ketika berucap pada Majlis Sambutan Maal Hijrah anjuran Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Kelantan di sini, hari ini.

Mustapa berkata umat Islam kini perlu menjadi sebuah masyarakat yang maju dengan kemampuan menyaingi negara maju lain.

Beliau dukacita kerana masih terdapat sesetengah pihak menganggap kemajuan sains dan teknologi bertentangan dengan Islam sedangkan ia dituntut oleh Islam dan sejarah memperkatakan Islam itu mencakupi seluruh urusan di dunia ini.

"Awal tahun-tahun 60an ada anggapan bahawa bekerjasama dengan orang bukan Islam adalah kafir kerana dikatakan orang bukan Islam menentang Islam," katanya.

Mustapa yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan berkata pendapat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung tujuan Amerika Syarikat hendak menyerang Iraq adalah untuk menghancurkan Islam.

Katanya apa yang jelas sekarang, serangan yang akan dilakukan oleh Amerika itu seolah-olah Islam itu musuh yang perlu dihapuskan di dunia ini.

"AS tidak fikir mengenai sentimen masyarakat Islam yang mungkin melahirkan perasaan benci terhadap orang bukan Islam," katanya.

"Kita tidak nampak peperangan itu menguntungkan tetapi ia memusnahkan negara umat Islam dari segi sosial dan ekonomi," katanya.

Yang jelas, katanya apabila AS berjaya menawan Iraq, Israel akan bertindak lebih ganas lagi dan rakyat Plestin dan negara-negara lain mungkin lebih terancam.

Sehubungan itu Mustapa, meminta umat Islam di negara ini terutamanya di Kelantan agar mengubah corak hidup dan berani melakukan perubahan yang bukan sahaja memberi kebaikan kepada negara tetapi generasi akan datang.

-- BERNAMA

MNR BD ZB